



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 OGOS 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Stadium mini MPAJ dijangka siap November ini

39



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 OGOS 2017 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Stadium mini MPAJ dijangka siap November ini
Muka Surat	39

Stadium mini MPAJ dijangka siap November ini SH 29/8/17
M/s 39

AMPANG - Stadium mini Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Pandan Perdana, di sini, dijangka siap akhir November ini.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, ada tempoh lanjutan untuk pembinaan stadium itu bagi kerja-kerja pemasangan empat tiang lampu limpah.

"Pada kontrak asal tidak ada pemasangan lampu limpah, namun kita perlu fikir untuk jangka masa panjang, oleh itu kontraktor sedia ada sedang memasang lampu tersebut," katanya.

Menurutnya, projek yang menelan kos sebanyak RM18 juta itu dimulakan sejak November 2015.

● Pembinaan stadium mini itu telah menelan kos sebanyak RM18j

INFO

Merdeka #QuranHour
...satu permulaan
9 ZULHIJAH 1438 H / 21 OGOS 2017

ABD HAMID

"Projek ini telah siap 92 peratus, kos pemasangan lampu limpah itu pula kira-kira RM3.5 juta.

"Lampu ini beri pencahayaan yang mencukupi untuk aktiviti sukan pada waktu malam," katanya.

Beliau berkata, stadium berkenaan mempunyai kemudahan trek lari sintetik, padang bola sepak dan lebih 1,000 tempat duduk.

"Masyarakat boleh jalankan aktiviti sukan di stadium ini pada awal Disember atau Januari tahun depan," katanya.

Dalam perkembangan lain, MPAJ akan mempertimbangkan cadangan untuk program Car Free Day untuk masyarakat menjalankan aktiviti berbasikal.

Katanya, pihaknya perlu meneliti perkara tersebut kerana ia melibatkan keselamatan penunggang basikal.

"Agak sukar untuk laksanakan program itu di kawasan Ampang Jaya kerana ada sebahagian kawasan dilaporkan kawasan kemalangan dan banyak simpang jalan perlu ditutup, namun kita akan kaji untuk adakan program itu," katanya.